

Ahli PKR diingatkan kuasa adalah amanah bukan keistimewaan

BERITA HARIAN 05 APR 2024 m/s: 3

Kuala Lumpur: Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim mengingatkan kuasa adalah amanah dan bukan keistimewaan yang perlu dipikul sebaiknya untuk rakyat.

Anwar yang juga Presiden PKR berkata, parti itu berpasak atas semangat islah yang kuat,

iaitu usaha mengembalikan sesuatu keadaan kepada keadaan yang betul, tepat dan sesuai.

“Justeru, hak dan kebajikan rakyat mesti yang terutama dalam membentuk kebijakan.

“Tugas dan tanggungjawab yang digalas hari ini adalah amanah yang mesti kita pikul

sebaiknya dengan matlamat membawa perubahan yang bermakna,” katanya menerusi hantaran di akaun Facebook PKR, semalam.

Anwar seterusnya mengucapkan selamat ulang tahun ke-25 kepada semua anggota dan pimpinan parti.